

Kes peniaga belon: Bapa lima anak didenda RM6,000

KUALA LUMPUR - Bapa lima anak didenda RM6,000 atau lima bulan penjara oleh Mahkamah Majistret di sini pada Ahad selepas mengaku menghasut dan mengugut anggota penguat kuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) susulan insiden membabitkan peniaga belon yang tular hujung Mac lalu.

Majistret Farah Nabihah Muhammad Dan, yang menjatuhkan hukuman itu ke atas peniaga baju Mustafa Sulaiman, 57, berkata, kepentingan awam perlu diutamakan dalam kes itu kerana kenyataan tertuduh bagaikan mencurahkan minyak ke dalam api.

"Mahkamah berharap hukuman ini akan memberi pengajaran kepada tertuduh. Bagi kesalahan pertama, tertuduh didenda RM2,000 atau dua bulan penjara jika gagal membayar denda manakala bagi kesalahan kedua, tertuduh didenda RM4,000 atau tiga bulan penjara," katanya.

Mustafa didakwa membuat kenyataan yang mendatangkan khianat awam terhadap Mohammad Shahli Zaini Mohd Zulkepli, 32, dengan niat hendak menghasut orang awam untuk melakukan sesuatu kesalahan terhadapnya.

Dia didakwa mengikut Seksyen 505(b) Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman maksimum penjara dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.

Tertuduh juga didakwa menakutkan mangsa sama melalui kenyataan yang dihantar menerusi aplikasi WhatsApp dengan ugutan hendak menyebabkan kematian atau kecederaan mengikut Seksyen 506 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman maksimum penjara tujuh tahun atau denda, atau kedua-duanya.

Dia didakwa melakukan kedua-dua kesalahan di Menara Penguatkuasaan DBKL, Jalan Yaacob Latif Bandar Tun Razak, Cheras di sini pada 10.30 pagi 7 April lepas.

Terdahulu, peguam Dzafir Firdaus Ahmad Zubairy memohon hukuman denda minimum atas alasan anak guamnya merupakan penanggung tunggal keluarga yang menjaga lima anak, isteri dan mentua.

"Tertuduh tiada rekod jenayah lampau. Ia kesalahan pertama. Kenyataan anak guam saya tak membawa sebarang hasutan dan ia hanya dihantar dalam kumpulan WhatsApp," katanya. - *Bernama*